

01/02/1999

Dunia mula terima kritikan

DAVOS (Switzerland), Ahad - Masyarakat antarabangsa mula faham dan tidak lagi membuat pelbagai tanggapan buruk serta melulu terhadap langkah kawalan modal yang dilaksanakan Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, lebih daripada itu mereka juga kini semakin dapat menerima langkah kawalan kewangan yang dilaksanakan Malaysia dan tidak lagi berpendirian kritikal terhadapnya.

"Malah, hari ini ramai daripada mereka setuju kawalan tertentu terhadap mata wang perlu diwujudkan," katanya ketika mengulas sejauh mana kejayaan Malaysia menerangkan kepada dunia mengenai langkah itu di sini hari ini.

Dr Mahathir sebelum ini berkata, beliau berhasrat menjadikan kehadirannya di Forum Ekonomi Dunia (WEF) kali ini sebagai platform memberi penerangan dan mengubah salah tanggapan dunia terhadap langkah Malaysia itu.

Selepas mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak di sini, beliau mendapati masyarakat antarabangsa tidak begitu memahami apa sebenarnya yang dilakukan Malaysia.

"Selepas kita jelaskan, mereka kini bukan saja lebih faham, malah dapat menerima apa yang kita buat," katanya.

Perdana Menteri juga dalam nada sinis berkata, adalah amat malang beliau tidak sempat bertemu George Soros kerana katanya jika pembiaya kewangan itu mendengar penjelasannya, beliau juga akan memberi sokongan penuh terhadap langkah Malaysia itu.

(END)